KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 MEI 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Operasi pembenihan awan berjaya hasilkan hujan di Miri dan Mulu	BERNAMA
2.	25 dilantik felo Akademi Sains Malaysia	Berita Harian
3.	Academy of Sciences Malaysia elects 25 new Fellows	New Straits Times
4.	Nombor casis, enjin kereta Morais dikikis	Berita Harian
5.	Kereta Proton Perdana ditemukan terbakar 100 peratus	Utusan Malaysia
6.	Kereta dijumpai sengaja dibakar	Sinar Harian
7.	Traces of petrol in Morais' car cabin, says chemist	Malay Mail
8.	'Car burnt on purpose'	New Straits Times
9.	It was a case of arson, chemist testifies	The Sun
10.	Usahawan Sabah digesa sertai program SIRIM-Fraunhofer	Utusan Malaysia
11.	Peningkatan pembangunan jenama tempatan upayakan lagi persaingan dengan produk import	BERNAMA
12.	Usahawan Sabah digesa sertai program SIRIM-Fraunhofer	BERNAMA
13.	Fenomena El Nino jejaskan sektor pertanian dan perikanan di Perlis	BERNAMA
14.	Kesan buruk El Nino, La Nina dijangka setara	KOSMO

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 4 MEI 2016 (RABU)

Operasi Pembenihan Awan Berjaya Hasilkan Hujan Di Miri Dan Mulu

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Operasi Pembenihan Awan (OPA) berpangkalan di Tentera Udara Diraja Malaysia, Labuan yang menyasarkan Miri dan Mulu di Sarawak, telah menghasilkan hujan di dua kawasan berkenaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata bagi suhu maksimum pula berbanding semalam, suhu sehingga pukul 4 petang tadi menunjukkan trend menurun.

"Bagaimanapun, penurunan ini tidak signifikan memandangkan Kuala Krai di Kelantan merekodkan bacaan suhu 37.3 darjah Celsius.

"Sehingga 2 Mei lepas, Kota Baharu mencatatkan bilangan hari tanpa hujan selama 30 hari," katanya dalam satu kenyataan di sini, malam ini.

Madius juga berkata hanya satu titik panas dicerap pada 2 Mei iaitu di daerah Rompin manakala tiada sebarang titik panas dicerap di Sabah dan Sarawak.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) : MUKA SURAT 31
TARIKH : 4 MEI 2016 (RABU)

25 dilantik felo Akademi Sains Malaysia

Mazlan turut dilantik felo kanan ASM berdasarkan sumbangan bidang astrofizik

Oleh Maria Uffa Zulkafeli
maria.uffa@bh.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 25 saintis, jurutera dan ahli teknologi dilantik menjadi felo Akademi Sains Malaysia (ASM).

Presiden ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali mengumumkan pelantikan berkenaan pada Mesyuarat Agung Tahunan ASM ke-21, baru-baru ini.

Pada mesyuarat berkenaan, Dr Ahmad Tajuddin turut mengumumkan pelantikan Emeritus Prof Datuk Dr Mazlan Othman sebagai felo kanan baharu ASM berdasarkan kepada sumbangan besarnya dalam bidang astrofizik.

Jaringan kepakaran ASM bertambah

Beliau berkata, sehingga kini jaringan kepakaran akademi ASM bertambah kepada 27 felo kanan dan 303 felo.

"Selain itu, ia juga termasuk 32 ahli bersekutu, ahli jaringan saintis muda (51) dan 110 saintis penyelidik terkemuka negara ini," katanya.

Dr Ahmad Tajuddin berkata, semua felo baharu dan felo kanan yang dilantik itu akan disahkan penerimaan mereka felo ASM dalam satu majlis yang akan diadakan tahun ini.

Info

Felo baharu dilantik

Bidang Perubatan dan Sains Kesihatan
- **Prof Datuk Dr Balwant Singh Gendeh** (Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia)
- **Prof Dr Lee Way Seah** (Universiti Malaya)
- **Prof Dr Mary Anne Tan Jin Ai** (Universiti Malaya)
- **Prof Dr Wan Ariffin Abdullah** (Pusat Perubatan Universiti Malaya)

Bidang Kejuruteraan Sains Komputer
- **Prof Dr Abdullah Gani** (Universiti Malaya)
- **Datuk Ir Lim Chow Hock** (Institut Jurutera Malaysia)
- **Prof Datuk Ir Dr Mahyuddin Ramli** (Universiti Sains Malaysia)
- **Prof Datuk Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib** (Universiti Teknologi Petronas)
- **Prof Dr Zainab Abu Bakar** (Universiti Teknologi MARA)
- **Prof Dr Borhanuddin Mohd Ali** (Universiti Putra Malaysia)
- **Prof Dr Ir Renuganth Varatharajoo** (Universiti Putera Malaysia)

Bidang Biologi, Pertanian dan Sains Alam Sekitar
- **Dr Chow Keng See** (Lembaga Getah Malaysia)
- **Dr Ahmad Parveez Ghulam Khadir** (Lembaga Minyak Sawit Malaysia)
- **Dr Rajinder Singh Harminder Singh** (Lembaga Minyak Sawit Malaysia)
- **Prof Dr Ahmad Ismail** (Universiti Putra Malaysia)
- **Prof Dr Mohd Ali Hassan** (Universiti Putra Malaysia)

Bidang Matematik, Fizik dan Sains Bumi
- **Prof Dr Ramesh T Subramaniam** (Universiti Malaya)
- **Prof Dr Zainuriah Hassan** (Universiti Sains Malaysia)

Bidang Sains Kimia
- **Prof Dr Md Pauzi Abdullah** (Universiti Kebangsaan Malaysia)
- **Prof Dr Wan Ahmad Kamil** Che Mahmood (Universiti Sains Malaysia)
- **Prof Dr Zanariah Abdullah** (Universiti Malaya)
- **Prof Dr Mohd Kamal Harun** (Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi)

Bidang Sains & Pembangunan Teknologi dan Industri
- **Dr Ahmad Hezri Adnan** (Institut Pengajian Antarabangsa dan Strategi)
- **Prof Datuk Dr Aishah Bidin** (Universiti Kebangsaan Malaysia)
- **Datuk Dr Sharifah Maimunah Syed Zin** (Kerjasama Sains dan Teknologi dan Kerjasama Pusat Inovasi Selatan-Selatan di bawah UNESCO (ISTIC)

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 4 MEI 2016 (RABU)

Academy of Sciences Malaysia elects 25 new Fellows

KUALA LUMPUR: The Academy of Sciences Malaysia (ASM) elected 25 leading scientists, engineers and technologists in the country as new Fellows.

The announcement was made by ASM president Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali during the association's 21st annual general meeting on Saturday.

Professor Dr Wan Ariffin Abdullah

Professor Datuk Dr Balwant Singh Gendeh

Professor Dr Lee Way Seah

Joining ASM's line of Fellows are Professor Datuk Dr Balwant Singh Gendeh of Universti Kebangsaan Malaysia (UKM) Medical Centre, Professor Dr Lee Way Seah and Professor Dr Mary Anne Tan Jin Ai of Universiti Malaya (UM), and Professor Dr Wan Ariffin Abdullah of UM Medical Centre, elected for their contributions to medical and health sciences.

Professor Dr Abdullah Gani of UM, Datuk Lim Chow Hock of The Institute of Engineers Malaysia, Professor Datuk Dr Mahyuddin Ramli of Universiti Sains Malaysia (USM), Professor Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib of Universiti Teknologi Petronas, Professor Dr Zainab Abu Bakar of Universiti Teknologi Mara, Professor Dr Borhanuddin Mohd Ali and Professor Dr Renuganth Varatharajoo of Universiti Putra Malaysia (UPM) have also been elected as Fellows for their roles in engineering and computer sciences.

The newly-elected Fellows include scientists in biological, agricultural and environmental sciences fields: Dr Chow Keng See of Malaysian Rubber Board, Dr Ahmad Parveez Ghulam Khadir and Dr Rajinder Singh Harminder Singh from the Malaysian Palm Oil Board, as well as Professor Dr Ahmad Ismail and Professor Dr Mohd Ali Hassan from UPM.

Recognition was given to Professor Dr Ramesh T Subramaniam of UM and Professor Dr Zainuriah Hassan of USM for their contribution to mathematics, physics and earth sciences.

Professor Dr Md Pauzi Abdullah (UKM), Professor Dr Wan Ahmad Kamil Che Mahmood (USM), Professor Dr Zanariah Abdullah (UM) and Professor Dr Mohd Kamal Harun of Higher Education Leadership Academy were acknowledged for their contributions to chemical sciences.

New Fellows in the science and technology development and industry are Dr Ahmad Hezri Adnan (Institute of Strategic and International Studies), Professor Datuk Dr Aishah Bidin (UKM) and Datuk Dr Sharifah Maimunah Syed Zin of (United Nations Education, Scientific and Cultural Organisational International Science, Technology and Innovation Centre for South-South Cooperation).

ASM also announced the appointment Professor Datuk Dr Mazlan Othman as the new Senior Fellow for her contribution to pioneering the field of astrophysics and the development of space science in Malaysia.

"The academy's network of expertise now has 27 Senior Fellows and 303 Fellows.

"It also comprises 32 associates, 51 young scientists network members and 110 top research scientists."

"Fellows and experts have shown that their contributions and commitment are success factors for the Academy," said Ahmad Tajuddin.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (MAHKAMAH) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 04 MEI 2016 (RABU)

Nombor casis, enjin kereta Morais dikikis

Jumpa lubang pada panel belakang ruang enjin



Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur

Mahkamah Tinggi di sini, semalam, diberitahu, nombor casis dan nombor enjin kereta milik Timbalan Pendakwa Raya, mendiang Anthony Kevin Morais, dipotong dan dikikis sebelum kenderaan itu dibakar menggunakan petrol.

Ahli Kimia di Jabatan Kimia Cawangan Perak, Khairul Anuar Abdul Aziz, memberitahu mahkamah, pemeriksaan ke atas kereta itu menjumpai lubang pada panel belakang ruang enjin yang kebiasaannya diletakkan nombor chasis.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin, Khairul berkata, lubang itu disebabkan oleh pemotongan panel dan dibuangkan pada bahagian yang mempunyai nombor casis.

Katanya, selepas mendapati tiada nombor casis, beliau kemudian memeriksa nombor enjin, namun, kawasan yang biasanya diletakkan nombor enjin dilihat mempunyai kesan kikisan.

"Bagaimanapun, kelihatan dua angka pada kawasan itu iaitu di barisan atas dan bawah. Nombor terakhir pada baris atas adalah antara 3 atau 8, manakala angka terakhir di barisan bawah adalah 5.

"Nombor casis kereta adalah seperti kad pengenalan pada rakyat Malaysia dan ia unik pada setiap jenis kenderaan, begitu juga dengan nombor enjin," katanya dalam perbicaraan tujuh lelaki yang didakwa membunuh Kevin.

G Gunasekaran, 48; R Dinishwaran, 24; A Thinesh Kumar, 23; M Vishwanath, 26; S Nimalan, 23; dan Ravi Chandaran, 45, didakwa membunuh Kevin yang dalam perjalanan dari Jalan Dutamas Raya, Sentul ke No 1 Jalan USJ1/6D, Subang Jaya, antara jam 7 pagi dan 8 malam, pada 4 September 2015.

Sementara itu, pakar patologi, Kolonel Dr R Kunaseegaran, 53, didakwa bersubahat dengan enam lelaki itu membunuh Kevin pada tempat, masa dan tarikh sama.

Khairul yang juga saksi pendakwaan ke-13, turut memberitahu mahkamah, kereta mangsa yang dijumpai terbakar di Hutan Melintang, Perak, dibakar dengan sengaja menggunakan petrol dan bukannya terbakar secara kemalangan.

Khairul berkata, rumusan itu berdasarkan kesan petrol pada bahagian dalam dan luar kereta berkenaan.

Kesan petrol

"Kesan kehadiran petrol itu diperoleh daripada sampel dari tempat duduk penumpang sebelah kanan dan kiri, tempat letak kaki pemandu dan tempat letak kaki penumpang hadapan.

"Sekiranya kereta berkenaan terbakar secara kemalangan, kesan petrol tidak mungkin dijumpai pada bahagian dalam kereta," katanya ketika prosiding perbicaraan yang masuk hari kelapan.

Pada prosiding semalam, Kunaseegaran diwakili peguam Datuk N Sivananthan dan Datuk Geethan Ram Vincent, manakala peguam M Manoharan mewakili Dinishwaran serta menyebut bagi pihak Thinesh Kumar. Tertuduh lain diwakili peguam V Rajehgopal.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Azman Abdullah bersambung hari ini.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 4 MEI 2016 (RABU)

Kereta Proton Perdana ditemukan terbakar 100 peratus

Keterangan & fakta menarik

1 **"Kesimpulannya, saya berpendapat kereta tersebut telah dibakar dengan sengaja menggunakan petrol sebagai bahan penggalak kebakaran."** - Saksi pendakwaan ke-13, Khairul Nizam Abdul Aziz ketika ditanya mengenai hasil analisis terhadap kenderaan yang ditemukan dalam sebuah ladang kelapa sawit dan sisa kebakaran.

2 **"Kalau terbakar secara kemalangan, kesan kehadiran petrol tidak mungkin dijumpai dalam kabin kereta,"** jelas Khairul Anuar berhubung dapatannya mengenai kereta yang terbakar.

3 **"Ya."** - Jawab Khairul Anuar terhadap soalan peguam bela, V. Rajehgopal bahawa kereta Proton Perdana yang ditemukan terbakar itu boleh dianggap sebagai kereta jenama Honda sekiranya semua logo dan tulisan pada kenderaan tersebut dibuang.

4 **"Kalau boleh, datang ke Balai Polis Hutan Melintang."** - Kata saksi pendakwa ke-14, Inspektor Mohd. Nizam Ahmad ketika ditanya sama ada kereta Proton Perdana yang terbakar itu boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

5 **"Kereta boleh lerai."** - Ujar Hakim Datuk Azman Abdullah selepas Mohd. Nizam menjelaskan keadaan Proton Perdana yang disifatkan sebagai 'tidak selamat' untuk dibawa ke ibu negara kerana keadaannya yang sudah terbakar teruk.

KUALA LUMPUR 3 Mei - Sebuah kereta Proton Perdana yang ditemukan terbakar seratus peratus di sebuah ladang kelapa sawit di Kampung Sungai Samak, Hutan Melintang, Perak dibakar dengan sengaja menggunakan petrol sebagai bahan penggalak.

KHAIRUL ANUAR

MOHD. NIZAM AHMAD

Ahli Kimia dari Jabatan Kimia Malaysia cawangan Perak, Khairul Anuar Abdul Aziz, 47, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, beliau membuat dapatan tersebut ekoran penemuan bahan penggalak kebakaran iaitu petrol di bahagian kerusi pemandu dan penumpang hadapan serta penumpang belakang.

Saksi pendakwaan ke-13 itu juga memberitahu, bahan mudah terbakar itu turut ditemukan di tanah berhampiran tayar kiri hadapan dan tayar kanan belakang.

Beliau bagaimanapun gagal mengenal pasti titik permulaan kebakaran kerana kenderaan terbabit telah terbakar sepenuhnya.

Merujuk kepada nombor casis dan nombor enjin, Khairul Anuar yang mempunyai pengalaman selama 15 tahun berkaitan pemeriksaan nombor casis, enjin, siasatan tempat kebakaran dan yang berkaitan berkata, panel di belakang ruang enjin yang menempatkan nombor casis telah dipotong dengan sesuatu alat dan dibuang.

Pemeriksaan pada bahagian hadapan enjin yang menempatkan nombor enjin pula telah dikikis dengan dalam namun alat yang digunakan untuk berbuat demikian tidak dapat dipastikan.

"Namun terdapat dua nombor yang terletak dalam dua barisan atas dan bawah masih kelihatan. Di barisan atas, nombor akhir yang ditemui tidak dapat dipastikan sama ada nombor 3 atau 8 manakala nombor akhir bahagian bawah pula merupakan nombor 5," katanya.

Terdahulu, beliau turut menyatakan, model kereta Proton Perdana yang ditemukan terbakar itu kebiasaannya digunakan oleh pegawai kanan kerajaan atau mereka yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA).

Khairul Anuar berkata demikian ketika disoal pada pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin dalam perbicaraan yang memasuki hari kelapan terhadap pakar patologi tentera, Kolonel Dr. R. Kunaseegaran, 53, yang didakwa bersubahat dengan enam lelaki untuk membunuh Kevin Morais, 55.

Kejadian itu didakwa berlaku dalam perjalanan dari rumah mangsa di Jalan Dutamas Raya, Sentul di sini ke No. 1, Jalan USJ 1/6D Subang Jaya dekat sini, antara pukul 7 pagi dan 8 malam, 4 September 2015.

Enam lagi tertuduh iaitu empat penganggur, G. Gunasekaran, 48, R. Dinishwaran, 24, A.K. Thinesh Kumar, 23, M. Vishwanath, 26; pelajar kolej, S. Nimalan, 23; dan pemberi pinjaman wang, S. Ravi Chandaran, 45, didakwa membunuh mangsa pada masa, tarikh dan tempat sama.

Sementara itu, saksi pendakwaan ke-14, Inspektor Mohd. Nizam Ahmad, 29, memberitahu mahkamah, beliau menerima laporan mengenai penemuan sebuah kereta yang terbakar di sebuah ladang kelapa sawit kira-kira pukul 12.50 tengah hari, 5 September tahun lalu.

Di lokasi kejadian, beliau menemukan logo Proton dan tulisan 'dana' berhampiran dengan kenderaan terbakar tersebut.

Ketika disoal balas oleh peguam bela, V. Rajehgopal yang mewakili tertuduh ketujuh, saksi tersebut mengakui siasatan awal berhubung penemuan kenderaan tersebut dibuat mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu khianat dengan api atau benda letupan dengan niat menyebabkan kerosakan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Azman Abdullah bersambung esok.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 4 MEI 2016 (RABU)

Kereta dijumpai sengaja dibakar

KUALA LUMPUR - Mahkamah Tinggi diberitahu bahawa kereta dipercayai milik Timbalan Pendakwa Raya Datuk Anthony Kevin Morais yang dijumpai terbakar di Hutan Melintang, Perak, dibakar dengan sengaja menggunakan petrol dan bukannya terbakar secara kemalangan.

Ahli Kimia Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Perak, Khairul Anuar Abdul Aziz, 47, berkata, ini berdasarkan kesan petrol yang dikesan pada bahagian dalam dan luar kereta tersebut.

"Berdasarkan pemeriksaan dan analisis dilakukan, saya berpendapat kereta tersebut dibakar dengan sengaja menggunakan petrol.

"Jika kereta tersebut terbakar secara kemalangan, kesan petrol tidak mungkin dijumpai pada bahagian kabin (dalam) kereta," katanya.

Beliau berkata, kesan kehadiran petrol itu diperoleh pada sampel yang diambilnya sendiri dari tempat duduk penumpang sebelah kanan dan kiri, tempat letak kaki pemandu dan tempat letak kaki penumpang hadapan.

Khairul Anuar, yang berpengalaman selama 22 tahun sebagai ahli kimia berkata, kereta itu terbakar 100 peratus ketika pertama kali beliau melihatnya di Balai Polis Hutan Melintang, Perak pada 7 September 2015.

"Pada pengamatan kali pertama, tidak dapat dipastikan jenis kereta itu, tetapi selepas membuat pemeriksaan lanjut saya dapati ia sebuah kereta Proton Perdana," katanya.

Menjawab soalan Wan Shaharuddin sama ada petrol disimbah atau dituang ke atas kereta itu, Khairul Anuar berkata, beliau tidak dapat memastikannya kerana kereta itu sudah terbakar keseluruhannya.

Mengakui nombor casis dan nombor enjin bagi setiap kenderaan unik, saksi pendakwaan ke-13 itu memaklumkan terdapat satu lubang pada kawasan yang kebiasaan disetemkan nombor casis pada panel belakang ruangan enjin kereta itu.

"Lubang itu saya dapati akibat daripada pemotongan panel dan dibuangkan bahagian panel tersebut. Bentuk potongan itu bersaiz 15 sentimeter (cm) panjang dan 5cm lebar.

"Oleh itu, saya tidak dapat lakukan pemeriksaan ke atas nombor casis tersebut," katanya, selain turut memaklumkan terdapat kesan kikisan yang dalam pada nombor enjin kereta itu sehingga ia tidak dapat dilihat dengan jelas.

Beliau bagaimanapun memaklumkan nombor enjin tersebut adalah dalam format dua barisan iaitu atas dan bawah.

"Pada barisan atas, saya dapati digit terakhir yang sebahagiannya boleh dilihat iaitu sama ada digit tiga atau lapan manakala pada barisan bawah saya dapati satu digit terakhir yang sebahagiannya boleh dilihat iaitu digit lima.

"Selepas proses elektrokimia, saya tidak menjumpai sebarang huruf atau digit yang baharu di kawasan nombor enjin tersebut," katanya.

Sementara itu, Pegawai Penyiasat Inspektor Mohd Nizam Ahmad, 29, memaklumkan beliau pergi ke tempat kejadian di sebuah ladang kelapa sawit di Kampung Sungai Samak, Hutan Melintang pada jam 12.50 tengah hari 5 September 2015 selepas mendapat maklumat mengenai kereta terbakar itu.

Saksi pendakwaan ke-14 itu berkata, beliau lihat sebuah kereta terbakar selepas melalui jalan masuk ke ladang itu, lebih kurang dua kilometer dari jalan besar Sabak Bernam-Hutan Melintang.

Perbicaraan bersambung hari ini. - *Bernama*

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 4 MEI 2016 (RABU)

Traces of petrol in Morais' car cabin, says chemist

By Danial Dzulkifly
danial@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — A car believed to belong to Datuk Kevin Morais which was found in Hutan Melintang, Perak, in September did not catch fire due to an accident.

Testifying at the murder trial of the slain deputy public prosecutor, Khairul Anuar Abdul Aziz, 47, a chemist with the Perak Department of Chemistry, said he concluded the car was intentionally torched as there was traces of petrol in the car's cabin and this was reflected in two reports he prepared.

During examination-in-chief by deputy public prosecutor Wan Sharuddin Wan Ladin, Khairul Anuar, who inspected the vehicle at the Hutan Melintang police station on Sept 7, said he also found traces of petrol on soil sample from the left front tyre and the right rear tyre of the car.

Highlights during examination-in-chief:

Wan Shaharuddin: Are you able to tell the model of the vehicle?

Khairul Anuar: At first glance no. I was only able to conclude it was a Proton Perdana at the end of my test.

Wan Shaharuddin: Are you familiar with the model?

Khairul Anuar: Yes, the director-general of my department uses the same vehicle.

Wan Shahahruddin: Is it for public use?

Khairul Anuar: No, such models are only for senior government officials.

Wan Shaharuddin: Are you able to trace whether the petrol was splashed or poured on the car ?

Khairul Anuar: No, because the car was completely burnt.

Wan Shaharuddin: Based on your report, you concluded the car was intentionally burnt, why is that?

Khairul Anuar: There were traces of petrol inside the car. If it was accidental, it would be impossible to find traces of petrol inside the cabin.

Wan Shahruddin: What did you do next?

Khairul Anuar: I inspected the chassis number but it appeared to have been cut, discarded and scraped.

Wan Shaharuddin: What do you mean by the chassis number was cut and discarded?

Khairul Anuar: It seems it was cut by a tool and discarded.

Wan Shaharuddin: Do you know what kind of tools were used?

Khairul: No, I did not concentrate on the panel and quickly moved to the engine number.

Wan Shaharuddin: What did you find?

Khairul Anuar: The engine number was scraped badly leaving only the last two digits on the top and bottom of the panel. Only number five was clearly visible on the bottom part but I could not tell if the last digit on the top part was number three or eight.

During cross examination by Datuk N. Sivananthan, Khairul Anuar, however, said he prepared three reports on his findings regarding the charred car.

Sivananthan: You had during examination-in-chief said you prepared two reports but now you are saying you prepared three reports. I put it to you the reason why the third report was not made available during the hearing is because it is siding with the defence.

Khairul Anuar: I don't know.

Sivananthan: Please clarify why you had earlier said you prepared two reports?

Khairul Anuar: I prepared two reports based on samples of vehicle parts and soil which I collected from the crime scene at an oil palm plantation in Kampung Sungai Samak, Hutan Melintang. I am not in-charge of samples used to prepare the third report.

To a question by defence counsel V. Rajehgopal on whether Khairul Anuar was able to tell if the car was a Proton or Honda model if the Proton logo was removed from the steering, booth and hood of the car, the chemist said there was a chance the car could be a Honda.

Investigating officer Insp Mohd Nizam Ahmad later told the court he found a Proton emblem and the word "dana" on the ground where the car was found.

He said the car was discovered 300m from the main road heading towards Sabak Bernam.

The hearing continues today.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 4 MEI 2016 (RABU)

'Car burnt on purpose'

EVIDENCE: There were traces of petrol in car, High Court told

KHAIRAH N. KARIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



THE burnt car found in Hutan Melintang, Perak, suspected to belong to slain deputy public prosecutor Anthony Kevin Morais, was torched on purpose, the High Court heard yesterday.

Chemist Khairul Anuar Abdul Aziz, 47, from the Perak Chemistry Department, testified that the car did not accidentally catch fire based on traces of petrol found in it.

"Based on inspection and analysis, the car might have been set ablaze on purpose using petrol," he said during examination-in-chief by DPP Wan Shaharuddin Wan Ladin on the eighth day of hearing.

Khairul said if the car had accidentally caught fire, traces of petrol could not have possibly been found in the car.

He said there were traces of petrol from the fire debris he collected as samples from the left and right side of the rear passenger seat, and from the driver and passenger's foot areas.

The 13th prosecution witness described the state of the car when he saw it for the first time at the Hutan Melintang police station on Sept 7 last year, as being 100 per cent burnt.

Wan Shaharuddin: In your job scope, can you determine whether an exhibit has caught fire by accident or on purpose?

Khairul: Yes, I can, based on the evidence.

Wan Shaharuddin: Can you describe the car's level of damage in this case?

Khairul: It was 100 per cent burnt.

Wan Shaharuddin: When you saw the car, did you know what type of car it was?

Khairul: Through my first observation, I could not determine it, but on further inspection, I found that it was a Proton Perdana.

Wan Shaharuddin: Do you often see this type of car?

Khairul: Yes, I do. As far as I know, it is a government-issued vehicle.

In response to another question, Khairul said he could not determine whether the petrol was splashed or poured onto the car as it was completely burnt.

When asked about the chassis and engine numbers, Khairul, who has 22 years' experience in the field, said each vehicle had its own unique numbers.

"The chassis and engine numbers of a car is like an IC (identification card) to Malaysian citizens. The number is unique to one car only."

He said there was a hole on the back panel of the engine area where the chassis number was usually stamped. The hole was formed by cutting and the size of the cut area was of about 15cm x 5cm.

"The engine number had been scratched off, making it difficult to be read," he said, adding that he was able to read only two digits of the engine number, which was in a two-line format.

The next witness, Inspector Mohd Nizam Ahmad, said he received a phone call about a burning car in an oil palm plantation in Kampung Sungai Samak, Hutan Melintang, on Sept 5.

He said he went to the scene and saw the burning car after entering the plantation, which is 2km from the Sabak Bernam-Hutan Melintang main road, at 12.50pm that day.

The trial continues today before judge Datuk Azman Abdullah.

On Jan 27, six men — G. Gunasekaran, 43, R. Dinishwaran, 23, A. Thinesh Kumar, 22, M. Vishwanath, 25, S. Nimalan, 22, and S. Ravichandaran, 34 — claimed trial to murdering 55-year-old Morais.

They were alleged to have committed the offence between 7am and 8pm on Sept 4 last year while the victim was on his way from Jalan Dutamas Raya Sentul to 1 Jalan USJ1/6D, Subang Jaya.

The same day, army pathologist Colonel Dr R. Kunaseegaran also claimed trial to abetting the six at the same place and time.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 04 MEI 2016 (RABU)

It was a case of arson, chemist testifies

BY ***KAREN ARUKESAMY***
newsdesk@thesundaily.com



KUALA LUMPUR: There was a clear attempt to wipe out the identity of the burnt car found in Hutan Melintang, Perak, which is linked to the murder of deputy public prosecutor Kevin Morais.

Confirming that it was an act of arson, chemist Khairul Anuar Abdul Aziz told the High Court yesterday that the car's chassis number panel was "cut out" and the engine number "scraped".

"Based on examination, I am of the opinion that the chassis number cannot be determined because the area where it was stamped had been cut out and removed," he said.

When examining the engine compartment, Khairul said he found that there was "a hole" (15cm x 5cm) in the area where the chassis numbers were stamped, showing that it was cut out using a tool.

"I examined the engine block of the car and found that the front part of the engine area, where the engine number was stamped, had deep scraping marks (kesan kikisan yang dalam)."

Khairul said he had prepared two chemist reports based on the samples and burnt debris that he had collected from the burnt car at Hutan Melintang police station and at the crime scene.

He said the car was "100% burnt" and confirmed that it was a Proton Perdana, a model similar to those used by senior civil servants.

Khairul was the 13th witness in the Morais murder trial.

Defence counsel Datuk N. Sivananthan told the court that there was a third chemist report by Khairul and a list of exhibits related to the report which the prosecution had not given the defence team and which were not mentioned during examination in chief.

He told the court that the police report on the burnt car was also not turned in to the defence team.

The trial before judge Azman Abdullah continues.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSANBIZ) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 4 MEI 2016 (RABU)

Usahawan Sabah digesa sertai program SIRIM-Fraunhofer

KOTA KINABALU 3 Mei - Usahawan di negeri ini digesa menyertai program SIRIM-Fraunhofer, yang ditawarkan oleh SIRIM Bhd dengan kerjasama Fraunhofer Gesellschaft Institute khusus untuk meningkatkan produktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui aplikasi teknologi.

Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah, Datuk Raymond Tan Shu Kiah berkata, program berkenaan menawarkan pelbagai aplikasi dan perkhidmatan teknologi dalam usaha tersebut.

Beliau berkata, pihaknya yakin teknologi mampu mewujudkan pertumbuhan dan menjadikan sektor industri lebih mampan dan menguntungkan.

"Saya yakin program yang dilaksanakan oleh SIRIM-Fraunhofer itu akan memberi manfaat kepada sektor industri di Sabah. "Oleh itu saya meminta semua usahawan di negeri ini untuk tampil ke hadapan menyertai program berkenaan bagi meningkatkan produktiviti melalui teknologi," katanya ketika merasmikan program Keterlibatan SIRIM-Industri di sini hari ini.

TAN SHU KIAH (tengah) mendengar penerangan Dr. Zainal Abidin Mohd . Yusof (tiga dari kiri) dan Jurutera Utama Kanan SIRIM, Dr. Wan Sazaley Wan Ismail (kiri) di Kota Kinabalu, semalam. - GAMBAR IHSAN SIRIM

Tan yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah berkata, peserta yang menyertai program SIRIM-Fraunhofer itu juga akan diperkenalkan kepada Model Inovasi Industri SIRIM dan program Audit Teknologi.

Ia adalah kerjasama antara SIRIM dan Fraunhofer dengan sokongan kerajaan untuk membantu PKS menjadi lebih berdaya saing, produktif bagi membolehkan barangan mereka mudah didapati dan diterima di pasaran antarabangsa, katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof berkata, pihaknya diberi mandat oleh kerajaan untuk meningkatkan penggunaan teknologi dan menaik taraf perniagaan usahawan, selain mewujudkan inovasi ekosistem yang baik.

Beliau berkata, dari 2011 hingga 2014, lebih 80 perusahaan mikro di Sabah telah menerima bantuan untuk meningkatkan taraf pembungkusan, penjenamaan dan ujian produk melalui Program Transformasi Usahawan Sabah.

"Selain itu, SIRIM turut menawarkan program *Groom Big* yang melibatkan pembungkusan, teknologi dan peningkatan proses, reka bentuk web, latihan kualiti dan program pembangunan usahawan," katanya.

Program 'Keterlibatan SIRIM-Industri' bertema 'Mengekalkan Perniagaan Anda dalam Pasaran Mencabar' anjuran Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah, SIRIM dan SME Corporation Malaysia hari ini menekankan kepada kepentingan sistem pengurusan kualiti, pembungkusan dan reka bentuk keselamatan, pengukuran, perkhidmatan tentukuran serta sistem pengurusan kualiti. - **BERNAMA**

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 4 MEI 2016 (RABU)

Peningkatan Pembangunan Jenama Tempatan Upayakan Lagi Persaingan Dengan Produk Import

KANGAR, 3 Mei (Bernama) -- Pembangunan jenama dan pembungkusan barangan keluaran tempatan yang ditingkatkan dan ditambah baik mampu mengupayakan lagi persaingannya dengan produk import.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Perlis, Ahmad Bakri Ali berkata golongan usahawan bukan hanya perlu bersedia dari segi modal malah mementingkan imej pembungkusan yang secara tidak langsung menjadi ikon negeri di peringkat global.

"Reka bentuk pembungkusan yang unik memberi tarikan kepada pelanggan, namun masih ada segelintir usahawan yang kurang menitikberatkan soal pembungkusan produk," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyerahan pakej pembangunan produk usahawan Majlis Amanah Rakyat (Mara) di sini, hari ini.

Hadir sama Pengarah Mara Perlis, Zahari Aziz.

Justeru itu, Mara memperuntukkan RM110,000 kepada 11 usahawan terpilih yang memiliki produk unik serta mendapat permintaan tempatan memberangsangkan untuk dibantu dari aspek penjenamaan serta kualiti reka bentuk pembungkusan.

Antara produk yang akan ditingkatkan dari segi kualiti pembungkusan supaya menepati piawaian antarabangsa ialah jus asam jawa, ayam organik, kambing dan ayam perap sejuk beku, kek dan pastri, barangan spa dan kecantikan, jeruk madu, muruku, nasi ayam, herba tradisional dan minyak kelapa dara.

Ahmad Bakri berkata kerjasama dengan **SIRIM Bhd** berkenaan itu mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran produk usahawan tempatan untuk menembusi pasaran global.

Selepas usaha peringkat pertama tersebut berjaya, ia akan diperluas kepada usahawan tempatan lain dengan jenis barangan yang berbeza, katanya.

"Diharapkan peluang serta kemudahan di bawah program pembangunan usahawan ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh penerima selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan ekonomi bumiputera melalui inisiatif seperti ini," katanya.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 4 MEI 2016 (RABU)

Usahawan Sabah Digesa Sertai Program Sirim-fraunhofer

KOTA KINABALU, 3 Mei (Bernama) -- Usahawan di Sabah digesa menyertai program SIRIM-Fraunhofer, yang ditawarkan oleh **SIRIM Bhd** dengan kerjasama Fraunhofer Gesellschaft Institute khusus untuk meningkatkan produktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui aplikasi teknologi.

Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah, Datuk Raymond Tan Shu Kiah berkata program berkenaan menawarkan pelbagai aplikasi dan perkhidmatan teknologi dalam usaha tersebut.

Beliau berkata pihaknya yakin teknologi mampu mewujudkan pertumbuhan dan menjadikan sektor industri lebih mampan dan menguntungkan.

"Saya yakin program yang dilaksanakan oleh SIRIM-Fraunhofer itu akan memberi manfaat kepada sektor industri di Sabah.

"Oleh itu saya meminta semua usahawan di negeri ini untuk tampil ke hadapan menyertai program berkenaan bagi meningkatkan produktiviti melalui teknologi," katanya ketika merasmikan program Keterlibatan SIRIM-Industri di sini, hari ini.

Tan yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah berkata peserta yang menyertai program SIRIM-Fraunhofer itu juga akan diperkenalkan kepada Model Inovasi Industri SIRIM dan program Audit Teknologi.

Ia adalah kerjasama antara SIRIM dan Fraunhofer dengan sokongan kerajaan untuk membantu PKS menjadi lebih berdaya saing, produktif bagi membolehkan barangan mereka mudah didapati dan diterima di pasaran antarabangsa, katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd Yusof berkata pihaknya diberi mandat oleh kerajaan untuk meningkatkan penggunaan teknologi dan menaik taraf perniagaan usahawan, selain mewujudkan inovasi ekosistem yang baik.

Beliau berkata, dari 2011 hingga 2014, lebih 80 perusahaan mikro di Sabah telah menerima bantuan untuk meningkatkan taraf pembungkusan, penjenamaan dan ujian produk melalui Program Transformasi Usahawan Sabah.

"Selain itu, SIRIM turut menawarkan program 'Groom Big' yang melibatkan pembungkusan, teknologi dan peningkatan proses, reka bentuk web, latihan kualiti dan program pembangunan usahawan," katanya.

Program 'Keterlibatan SIRIM-Industri' bertema 'Mengekalkan Perniagaan Anda dalam Pasaran Mencabar' anjuran Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah, SIRIM dan SME

Corporation Malaysia hari ini menekankan kepada kepentingan sistem pengurusan kualiti, pembungkusan dan reka bentuk keselamatan, pengukuran, perkhidmatan tentukuran serta sistem pengurusan kualiti.

Ia dihadiri lebih 100 wakil agensi kerajaan, persatuan industri dan usahawan tempatan dari pelbagai sektor di Sabah antaranya industri peruncitan, makanan dan minuman, perlombongan serta perladangan.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 4 MEI 2016 (RABU)

Fenomena El Nino Jejaskan Sektor Pertanian Dan Perikanan Di Perlis

KANGAR, 3 Mei (Bernama) -- Fenomena El Nino yang melanda negara sejak Disember tahun lepas menjejaskan sektor pertanian dan perikanan di Perlis.

Seorang pekebun, Hamzah Mat, 57, yang mengusahakan tanaman rock melon di kawasan seluas satu hektar di Batu Bertangkup, Chuping, berkata kualiti buah tanamannya merosot, isi buah tidak padu, bersaiz kecil dan kurang berat.

"Keadaan ini mungkin disebabkan cuaca panas melampau kerana tanah tidak cukup air. Sebelum ini, buah yang cukup elok boleh dijual RM5 satu kilogram (kg) tetapi kini RM3.50 sahaja atau dijual selonggok, tiga hingga empat biji dengan harga RM10," katanya.

Beliau yang turut mengusahakan tanaman harumanis seluas satu setengah hektar berkata pokok mempelamnya lebih banyak mengeluarkan pucuk dari bunga menyebabkan hasil pada musim ini tidak sebanyak tahun lepas.

Seorang lagi pengusaha harumanis di Sungai Batu Pahat, Rohaizan binti Bulat 47, menghadapi masalah lain pula kerana ladangnya seluas hampir satu hektar yang sedang berbuah, menjadi sasaran pencuri.

Anggota Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Perlis, Ahmad Bakri Ali berkata kemarau panjang menjejaskan pengeluaran harumanis hampir 50 peratus menyebabkan banyak tempahan eksport terpaksa dibatalkan.

Katanya kemerosotan hasil dan permintaan tinggi terhadap harumanis juga menyebabkan harganya meningkat sehingga RM40 sekilogram berbanding tahun lepas RM32 sahaja sekilogram.

Pengarah Jabatan Pertanian Perlis, Zulkefli Amin Mat Jusoh berkata ladang harumanis milik jabatan seluas 60 hektar di Batu Pahat merosot kira-kira 40 peratus.

"Secara keseluruhan pengeluaran ikon Perlis itu jatuh di bawah RM40 juta berbanding tahun lepas sebanyak RM60 juta," katanya.

Sementara itu 6,403 pesawah yang mengusahakan 10,043 hektar tanaman padi di utara Perlis dan bergantung pada bekalan air Empangan Timah Tasoh tidak dapat mengusahakan sawah berikutan paras empangan berada di bawah paras kritikal.

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Perlis, Shaidan Nordin berkata seluas 1,440 hektar dari kawasan itu di Padang Siding bagaimanapun mendapat bekalan air dari Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) minggu ini.

Katanya kira-kira 15,000 pesawah di Perlis mengusahakan sawah seluas 24,000 hektar termasuk lebih 7,000 hektar di luar MADA yang bergantung pada air hujan.

Nelayan di pesisir pantai pula turut menghadapi kesan El Nino apabila hasil tangkapan berkurangan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Seberang Alor, Kuala Perlis, Azman Ahmad berkata hasil tangkapan kira-kira 2,000 nelayan Kuala Perlis merosot teruk.

Beliau mendakwa purata tangkapan mereka sejak dua bulan lepas sekitar lima kilogram (kg) sahaja sehari berbanding sebelum fenomena El Nino melanda, mencecah hampir 100 kg sehari.

"Sebelum El Nino, kami turun ke laut pukul 8 pagi dan pulang dua jam kemudian kerana tangkapan sudah banyak. Sekarang kami keluar 3 pagi dan pulang pukul 4 petang namun hasilnya tidak seberapa.

"Biasanya kami memperoleh RM1,000 hingga RM2,000 seminggu tetapi sejak Februari lepas sekitar RM300 ke RM700 sahaja," kata Azman kepada Bernama.

Bagaimanapun Pengarah Perikanan Perlis, Bakri Miswan memberitahu Bernama pihaknya belum menerima aduan atau keluhan daripada nelayan berikutan tangkapan mereka terjejas akibat cuaca panas.

Katanya rekod jabatan itu menunjukkan hasil tangkapan ikan bertambah 12 peratus pada suku pertama tahun ini berbanding tempoh sama pada tahun lepas namun beliau tidak memberikan jumlahnya.

"Peningkatan ini disumbangkan oleh nelayan laut dalam. Dakwaan nelayan pantai bahawa hasil tangkapan mereka merosot mungkin betul kerana faktor cuaca," kata Bakri dan menambah tiada wakil nelayan membangkitkan isu itu dalam dialog baru-baru ini.

Menurut kenyataan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** baru-baru ini, cuaca panas dan kering akibat fenomena El Nino dijangka berakhir pada Jun namun perubahan angin monsun barat daya yang menyebabkan cuaca panas dijangka berlaku dari Mei hingga September.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (K2) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 4 MEI 2016 (RABU)

Kesan buruk El Nino, La Nina dijangka setara

NOOR HISHAM

CHE GAYAH

FENOMENA El Nino yang melanda negara ketika ini menjadi buah mulut orang ramai selepas masalah jerebu dan kekurangan air yang amat teruk berlaku pada tahun lalu.

Ditambah pula dengan jumlah hujan yang kurang dan cuaca panas, ia memberi impak yang dahsyat kepada penduduk.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, fenomena El Nino boleh memberi kesan kepada orang awam seperti kesan cuaca panas dan kering, jerebu akibat pembakaran terbuka atau hutan, krisis bekalan air dan penularan penyakit bawaan.

Jelas beliau lagi, pendedahan kepada cuaca panas boleh memberi kesan kepada kesihatan manusia daripada sederhana kepada teruk seperti strok haba yang boleh menyebabkan kematian.

"Kementerian Kesihatan telah merangka tindakan yang perlu dilaksanakan seperti memastikan bekalan air di hospital mencukupi selama dua minggu secara berterusan bagi menjamin fungsi perkhidmatan yang bergantung pada bekalan air bersih.

"Selain itu, membuat pemantauan dan penilaian air bukit di negeri masing-masing secara berterusan bagi mengesan kekeringan sumber dan menguruskan bantuan bekalan air bersih daripada pihak berwajib," ujarnya.

El Nino merupakan fenomena pemanasan suhu permukaan laut di timur dan tengah Lautan Pasifik berhampiran Khatulistiwa yang berlaku setiap dua hingga tujuh tahun.

Fenomena El Nino terburuk yang pernah melanda negara ialah pada tahun 1997/1998 dengan suhu tertinggi dicatatkan pada 40.1 darjah Celsius di Chuping, Perlis.

Sementara itu, kenyataan wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan, satu pertiga daripada penduduk dunia dewasa tinggal di negara-negara yang berdepan dengan kesulitan air kian meruncing.

Jika kejadian itu masih berterusan, menjelang 2025, permintaan untuk air bersih dijangka meningkat 56 peratus lebih daripada jumlah air yang ada pada masa ini.

Fenomena cuaca itu dijangka reda pada Jun ini namun pakar kaji cuaca menyatakan kebimbangan La Nina yang bakal menyusul akan membawakan kerosakan dan kemusnahan yang setara dengan El Nino.

Fenomena La Nina adalah suatu keadaan yang bertentangan dengan El Nino. Dalam keadaan ini, tekanan permukaan atmosfera meningkat di tengah dan timur Pasifik Timur manakala tekanan permukaan menurun di bahagian barat Pasifik.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail berkata, pada ketika ini masih terlalu awal untuk menjangka kedatangan La Nina ke negara ini.

"Tidak bermakna hujan yang banyak akan menyebabkan banjir besar kerana ia bergantung di kawasan mana kejadian hujan lebat berlaku.

"Malah, kami berasakan masih terlalu awal untuk membuat kesimpulan mengenai fenomena La Nina pada tahun ini," jelasnya.

KAWASAN Tasik Bukit Merah di Taiping, Perak yang kering disebabkan kekurangan jumlah hujan.

El Nino bawa kemusnahan

KERATAN *Kosmo!* pada 30 April lalu memaparkan impak fenomena El Nino kepada ekonomi negara.

IKAN tilapia yang hampir mati akibat air sungai Pahang surut berikutan fenomena El Nino.